106

UUM UNIVERSITI MALAYSIA PERTAMA JALIN KERJASAMA DENGAN MUCIA, US
Unit Komunikasi Korporat
Telah Dihantar: 21 April 2011 18:53
Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students
21 APRIL 2011/17 JAMADILAWAL 1432H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Hassan Abu Bakar

UUM Universiti Malaysia Pertama Jalin Kerjasama Dengan MUCIA, US

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) merupakan Institisi Pengajian Tinggi Awam pertama negara ini yang mengadakan kerjasama dengan Midwest Universities Consortium For International Activities (MUCIA) di East Lansing, Michigan, Amerika Syarikat.

MUCIA merupakan satu pertubuhan yang mewakili "Big-Ten" University di sekitar wilayah tengah Amerika Syarikat. Kerjasama melalui perjanjian persefahaman (MOU) yang ditandatangani pihak UUM dan MUCIA akan membolehkan UUM untuk memantapkan lagi program pengajian akademik UUM dengan "Big-Ten" University di Amerika Syarikat.

MUCIA merupakan sebuah konsortium yang terdiri daripada tiga buah universiti penyelidikan terkemuka Amerika Syarikat iaitu Ohio State University (OSU), University of Minnesota (UOM) dan Michigan State University (MSU). MUCIA juga merupakan agensi yang sering dirujuk dan menjadi "gatekeeper" kepada Big Ten Universities iaitu sepuluh universiti terkemuka di wilayah Mid-West Amerika Syarikat.

MUCIA sebelum ini pernah mengadakan kerjasama di Malaysia dan rantau Asia Tenggara dengan memperkasa pelbagai komponen pelajaran tinggi termasuk reka bentuk kurikulum, pembangunan sistem maklumat, perpustakaan dan pembangunan teks, pembangunan keupayaan analisis dasar, rekaan kemudahan pendidikan dan banyak lagi.

Melalui MoU UUM-MUCIA persetujuan telah dicapai untuk memudahkan UUM dalam proses penghantaran kakitangan universiti ini mengikuti program pengajian peringkat Sarjana dan PhD, UUM-MUCIA Joint Degree Program, Program Mobiliti Pelajar dan kerjasama penyelidikan dalam bidang pengurusan dan sains social bakal dijalankan dengan semua rakan kongsi MUCIA di Mid West.